

Keputusan Dr. M berucap di perhimpunan diketahui selepas 10 September

KOTA KINABALU 27 Ogos - Hasrat bekas Presiden UMNO Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadi perwakilan bahagiannya dan berucap di majlis perhimpunan agung parti November ini akan diketahui selepas 10 September ini, kata Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Beliau berkata perkara itu akan ditentukan selepas mesyuarat perwakilan bahagian-bahagian Umno Kedah yang dijadual berakhir pada 10 Sept.

Selepas tarikh itu, badan perhubungan Umno negeri akan bermesyuarat bagi menentukan jurucakap bagi mewakili badan perhubungan negeri, Pemuda, Wanita dan Puteri ke perhimpunan parti, kata Mahdzir yang juga Menteri Besar Kedah kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Sepanggar di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, mengikut amalan parti, Dr. Mahathir yang juga bekas Perdana Menteri perlu terlebih dahulu menang dalam pertandingan G-7 (tujuh orang yang bertanding di peringkat bahagian untuk menjadi perwakilan ke perhimpunan parti) sebelum badan perhubungan negeri membuat keputusan siapa yang akan berucap di perhimpunan itu nanti.

Katanya, "Saya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO (Kedah) nampak dalam kes Tun Dr. Mahathir, beliau ada hak untuk bertanding dan menawarkan diri untuk berucap pada perhimpunan parti November ini.

"Cuma kalau kita tengok daripada segi amalannya adalah luar biasa sedikit sebab beliau bekas Presiden (UMNO), Perdana Menteri, nak tawarkan diri nak jadi G7."

Beliau berkata bukan satu amalan biasa bagi seorang bekas presiden parti memilih untuk bertanding G-7 kerana atas ketokohnya, Dr. Mahathir boleh dijemput ke perhimpunan agung parti.

Mahdzir juga berkata terdapat golongan yang kecewa dan mereka ini tidak semestinya anggota parti yang telah mengambil kesempatan daripada kritikan Dr. Mahathir terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita tidak boleh benarkan golongan ini mengambil kesempatan daripada apa yang Tun Dr. Mahathir ucapkan kerana akhirnya akan jadi masalah kepada masyarakat dan menjadi kekeliruan, itu sahaja," kata beliau.

Anggota parti secara keseluruhannya sudah faham mengenai isu itu, katanya.